

# SekitarJPA

Kupasan Perjalanan Transformasi JPA

Edisi 3: 1—28 Februari 2015



## MENARIK DI DALAM

- Program Transhare KPPA bersama Timbalan Pengarah JPA ..... 2
- Perhimpunan Bulanan JPA ..... 3
- Perlawanan Persahabatan Futsal JPA dan Vietnam ..... 4



## MAJLIS AMANAT KETUA PERKHIDMATAN & PENYAMPAIAN SURAT PEMANGKUAN PEGAWAI GUNASAMA PERSEKUTUAN GRED 44 HINGGA 54

Pada 24 Februari 2015 telah berlangsung Majlis Amanat Ketua Perkhidmatan & Penyampaian Surat Pemangkuan Pegawai Gunasama Persekutuan Gred 44 hingga 54 di Auditorium JPA, Aras 4, Blok C1, Kompleks C, Putrajaya.

Seramai 331 orang pegawai perkhidmatan awam telah diberikan pemangkuan. Mereka terdiri daripada 265 orang Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD), 62 orang Pegawai Teknologi Maklumat (PTM) dan empat orang Pegawai Psikologi.

Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal dalam amanat beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pegawai yang terlibat. Beliau berharap dengan pelantikan ini, ia akan menyuntik lagi semangat para pegawai untuk memberikan sepenuh komitmen dan tanggungjawab dalam memberikan mutu dan hasil kerja yang lebih baik seiring kenaikan gred yang diberikan.

Beliau juga berpesan kepada para pegawai untuk bersikap terbuka mendengar cadangan dan teguran, terutamanya dalam keadaan semasa di mana rakyat lebih berfikiran kritikal. Sebarang keputusan yang diambil akan dipantau, dinilai, dikritik bahkan dipertikai. Tan Sri juga mengingatkan para pegawai untuk mengamalkan 6 prinsip Merakyatkan Perkhidmatan Awam agar penjawat awam menjadi *people-oriented* (mesra rakyat).

Di penghujung amanat beliau, Tan Sri menyebut bahawa para pegawai yang memiliki kemahiran dan bakat yang berprestasi tinggi serta mempunyai rekod perkhidmatan yang cemerlang layak untuk diberi pengiktirafan yang sewajarnya termasuklah peluang untuk pemerkasaan pembangunan dan kompetensi diri serta peluang kenaikan pangkat di laluan pantas (*Fast Track*).



## PROGRAM TRANSHARE KPPA BERSAMA TIMBALAN-TIMBALAN PENGARAH BAHAGIAN



“Jika engkau gagal pada hari ini, janganlah engkau berputus asa, kerana masih ada hari besok dan seterusnya yang akan mengajak engkau menjadi lebih sukses.” - Pujangga Indonesia

Program Transhare KPPA bersama Timbalan-timbalan Pengarah Bahagian telah diadakan pada 24 Februari 2015 di Dewan Mezzanine, Blok C10, JPA. Program yang diteraju oleh Bahagian Pengurusan Psikologi telah diadakan sebagai platform perkongsian pandangan, pendapat, cadangan dan idea dalam kalangan pegawai JPA mengenai inisiatif transformasi yang telah, sedang dan akan dilaksanakan memandangkan JPA merupakan peneraju transformasi perkhidmatan awam.

Dalam majlis ini, Timbalan-timbalan Pengarah Bahagian telah mengambil kesempatan untuk memberikan pendapat, pandangan, berbincang mengenai kemajuan dan status inisiatif transformasi yang sedang dilaksanakan, berkongsi pengalaman dalam mengendalikan projek-projek inisiatif transformasi JPA serta mencadangkan idea-idea yang baharu ke arah usaha menambah baik inisiatif transformasi pada masa akan datang.

Di akhir sesi, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal mengambil kesempatan untuk mengingatkan para pegawai Kanan JPA akan kepentingan untuk berani menyahut cabaran untuk mencadangkan perkara dan idea baharu, ke arah mentransformasikan organisasi secara khususnya, dan perkhidmatan awam secara amnya.

## PROGRAM JALINAN KASIH PESARA KERAJAAN MBMB & JPA DI MELAKA

Pada 16 Februari 2015, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) telah mengadakan Program Jalinan Kasih Pesara Kerajaan di Melaka. Rombongan pegawai JPA yang diketuai oleh Dato' Yeow Chin Keong, Pengarah Bahagian Pasca Perkhidmatan turut disertai Datuk Zainal Hussin, Datuk Bandar Negeri Melaka. Rombongan JPA dan MBMB telah menyerahkan beberapa bentuk sumbangan kepada Encik Mahmood Tamby Ahmad.

Antara sumbangan yang diberikan kepada Encik Mahmood ialah peralatan sokongan seperti katil hospital, selimut, kerusi roda dan *commote chair*. Usaha turun padang yang dilakukan oleh pihak JPA dan MBMB ini merupakan suatu pendekatan yang murni dan prihatin dalam membela nasib pesara kerajaan.



## 8 CARA MENGHILANGKAN STRES DI TEMPAT KERJA

1. *Jangan menunda kerja;*
2. *Melakukan aktiviti yang menyihatkan badan;*
3. *Belajar untuk mengatakan ‘Tidak’;*
4. *Berusaha menerima diri sendiri;*
5. *Bernafas dalam-dalam;*
6. *Mendengar muzik;*
7. *Cukup tidur dan rehat; dan*
8. *Ketawa!*





## PERHIMPUNAN BULANAN JPA BAGI BULAN FEBRUARI 2015

Perhimpunan Bulanan JPA bagi bulan Februari 2015 telah diadakan pada 12 Februari 2015 di Auditorium JPA, Aras 4, Blok C1, JPA. Perhimpunan pada kali ini merupakan anjuran Bahagian Pasca Perkhidmatan dan bertemakan, Melakar Langit Sejarah, Membina Awan Mimpi yang menjelaskan tentang pembinaan sebuah impian untuk membuat perubahan yang memerlukan perancangan yang baik. Dalam konteks penjawat awam, mereka perlu yakin dan berani untuk merealisasikan transformasi yang membawa kebaikan dan keuntungan kepada rakyat. Sebuah persembahan khas dalam perhimpunan kali ini ialah nyanyian lagu Sepanjang Jalan Kenangan oleh Cik Norlaily Ibrahim, warga JPA.

Dalam perhimpunan kali ini, terdapat pelancaran sistem eHemodialisis, iaitu sebuah sistem atas talian yang berpusat dan mengawal secara tepat tuntutan rawatan dialisis serta kemudahan untuk pesara untuk mendapatkan rawatan di mana-mana pusat dialisis yang berdaftar. Aplikasi berdasarkan web ini memudahkan proses perkhidmatan hemodialisis bagi mengatasi kelemahan sistem manual sedia ada dan membolehkan 6,535 pesara pesakit buah pinggang mendapat rawatan hemodialisis di mana-mana 353 pusat hemodialis berdaftar di seluruh negara.

Tahniah dan Syabas Bahagian Pasca Perkhidmatan kerana memperkenalkan salah satu inisiatif transformasi JPA untuk membantu golongan penjawat awam!



## LAWATAN SAMBIL BELAJAR MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN KUMPULAN YAYASAN SABAH

Pada 16 Februari 2015 JPA menerima Lawatan Sambil Belajar daripada Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Kumpulan Yayasan Sabah. Delegasi lawatan ini diketuai oleh Pengerusi MBJ Kumpulan Yayasan Sabah, Encik Ghanilin bin Haji Hashim dan disambut oleh pihak JPA yang diketuai oleh Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan, Dato' Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz dan Pengerusi MBJ JPA, Encik Wan Luqman bin Wan Sulaiman. MBJ diwujudkan sebagai satu saluran dua hala di mana pihak pekerja diberi saluran untuk berkomunikasi dengan pihak pengurusan dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea berasa demi kepentingan dan kebajikan organisasi.

Justeru itu, dalam lawatan mereka kali ini, wakil pihak MBJ Kumpulan Yayasan Sabah telah mengambil kesempatan ini untuk mengemukakan persoalan, pandangan dan cadangan bagi mencapai persefahaman dan penyelesaian bagi isu-isu yang dihadapi oleh mereka. Lawatan diakhiri dengan sesi pertukaran cenderamata antara pihak MBJ JPA dan MBJ Kumpulan Yayasan Sabah.

**"Setiap individu di JPA mestilah komited dan bersama-sama berganding tangan dalam usaha ke arah mencapai kejayaan transformasi perkhidmatan awam."** – Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal

## PERLAWANAN PERSAHABATAN FUTSAL JPA DAN VIETNAM



Pada 28 hingga 31 Januari 2015, Pasukan futsal JPA telah berkunjung ke Ho Chi Minh, Vietnam bagi mengadakan lawatan sambil belajar dan perlawanan persahabatan sukan antarabangsa antara Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Perkhidmatan Awam, Vietnam.

Tujuan lawatan sambil belajar dan perlawanan persahabatan ini diadakan bagi mengukuhkan jalinan kerjasama dan program *outreach* bukan sahaja dari nilai aspek "perkhidmatan awam" namun juga menerusi bidang kesukanan antara seantero negara Asia.

## KUNJUNGAN ZIARAH JPA TERHADAP WARIS ALLAHYARHAM TOK GURU NIK ABDUL AZIZ NIK MAT

Seperti yang kita sedia maklum, Negara telah kehilangan bukan sahaja seorang tokoh agama yang juga seorang bekas penaung perkhidmatan awam di negeri Kelantan. Beliau yang dimaksudkan adalah Allahyarham Tok Guru Nik Aziz. Sehubungan itu, JPA yang diwakili pegawai dari Bahagian Pasca Perkhidmatan telah menziarahi waris keluarga bagi urusan faedah terbitan Ahli Dewan Rakyat pada 17 Februari 2015 di kediaman Allahyarham. Ini sebagai satu penghormatan JPA kepada jasa arwah sebagai mantan penaung penjawat awam di negeri Kelantan Darul Naim selain bagi urusan faedah terbitan kepada balu beliau. Allahyarham juga merupakan seorang bekas Ahli Dewan Rakyat yang mana hal kebajikan faedah persaraan di bawah seliaan Bahagian Pasca Perkhidmatan.

Hal ini sekaligus menunjukkan bahawa kerajaan persekutuan melalui JPA sangat peka dan prihatin terhadap bukan sahaja penjawat awam dan pesara malahan jua kepada Wakil Rakyat tidak kira fahaman politik mahupun kaum. Sekaligus membuktikan JPA komited terhadap transformasi dalam perkhidmatan awam. Kunjungan ziarah ke pusara arwah juga sempat dilakukan demi mewakilan sumbangan sedekah Al-Fatihah buat arwah Tok Guru. Semoga arwah ditempatkan bersama golongan orang yang beriman. Al-Fatihah.



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Blok C1-C2, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 W.P. Putrajaya, Malaysia | Telefon: 603 8000 8000

Sumbangan Berita: Warga JPA | Penerbitan: Pasukan Komunikasi | Percetakan: Unit Dokumentasi, JPA



[www.jpa.gov.my](http://www.jpa.gov.my)



Jabatan  
Perkhidmatan Awam



@jpa2day



Jabatan  
Perkhidmatan Awam



jpa2day